

Bersedia terima idea baru — PM

UM 23 MAY 2000

KUALA LUMPUR 22 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa para pegawai kerajaan supaya sentiasa berfikiran terbuka dan bersedia menerima idea baru terutama yang berkaitan dengan teknologi tinggi walaupun tidak masuk akal pada peringkat permulaan.

Perdana Menteri berkata, keengganan atau kebimbangan pegawai-pegawai kerajaan melayan idea-idea seumpama itu boleh mendatangkan kerugian kepada negara bagi tempoh jangka panjang.

Tegas Dr. Mahathir, walaupun ada pihak mengeluarkan idea yang gila dan tidak diterima akal pada peringkat awal tetapi tidak mustahil idea tersebut jika dilaksanakan boleh memberi manfaat yang besar kepada negara.

“Pegawai-pegawai kerajaan selalunya tidak tahu banyak mengenai idea-idea baru ini untuk

mbolehkan mereka memberikan sokongan,” katanya ketika berucap kepada anggota Kumpulan Industri bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MI-GHT) di Seri Kembangan, hari ini.

Sebelum itu Dr. Mahathir yang juga penaung MIGHT diberi taklimat mengenai aktiviti kumpulan itu oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Ahmed Tasir Lope Pihie dan Pengerusi Bersama MIGHT, Tan Sri Dr. Omar Abdul Rahman.

Analisis

Menurut Perdana Menteri, pegawai-pegawai kerajaan terlebih dahulu mesti menyelidik dan membuat analisis mengenai idea-idea yang dikemukakan sebelum membuat andaian bahawa ia tidak akan berjaya.

Tambah beliau, idea-idea terutama yang dikemukakan oleh sektor swasta membolehkan kerajaan berinteraksi dan cuba memahami teknolo-

gi tinggi yang pasti akan memberi faedah kepada negara.

“Oleh itu kita hendaklah bekerjasama dan mengakui kelemahan kita dalam bidang teknologi tinggi dengan melayan idea-idea yang dibawa oleh sektor swasta,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, banyak projek pembangunan di negara ini yang pada peringkat awalnya dilihat sebagai tidak masuk akal telah berjaya dilaksanakan dan membawa keuntungan kepada semua pihak.

Beliau mengambil contoh projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Wawasan 2020 yang idea-nya pada peringkat awal sukar diterima tetapi telah terbukti berjaya bila dilaksanakan.

“Saya sering mendapat nama sebagai penyumbang idea kepada projek-projek itu sedangkan ia sebenarnya bukanlah idea saya sebaliknya telah diilhamkan oleh orang lain.

“Saya cuma menunjukkan sikap positif dengan meneliti idea-idea yang dikemukakan dan memberi kerjasama kepada pihak yang berkenaan, akhirnya saya yang mendapat nama,” katanya sambil bergurau.

Mengenai perkongsian pintar antara kerajaan dan sektor swasta, katanya, adalah lebih menguntungkan jika kedua-dua sektor bekerjasama daripada berkonfrontasi sesama mereka.

Kerugian

Konfrontasi, tegas Perdana Menteri, tidak akan membawa sebarang manfaat sebaliknya akan menyebabkan sektor-sektor yang terlibat mendapat kerugian.

Dr. Mahathir mengambil contoh sikap pedagang mata wang dari Barat yang sanggup menghancurkan ekonomi sesebuah negara untuk mendapatkan keuntungan yang terlalu kecil berbanding kerugian yang dialami oleh negara tersebut.

Beliau berkata, krisis ekonomi baru-baru ini menyebabkan negara mengalami kerugian sebanyak AS\$250 bilion sedangkan pedagang mata wang yang menjadi punca

krisis itu hanya memperoleh keuntungan sebanyak RM10 bilion.

“Bukankah lebih baik jika kita saling bekerjasama untuk sama-sama mendapatkan keuntungan

daripada berkonfrontasi sehingga menyebabkan semua pihak sebenarnya rugi,” katanya.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir turut melancarkan direktori aeroangkasa

dan komposit lanjutan terbitan MIGHT.

Direktori tersebut mengandungi pelbagai maklumat mengenai peluang perniagaan dalam sektor komposit dan aeroangkasa di negara ini.